

03 OCT 1999

Sukan-Motor

ACARA SUKAN BERMOTOR MENJELANG GRAND PRIX F1

KUALA LUMPUR, Oct 3 (Bernama) -- Demam sukan bermotor secara rasminya bermula selepas pelancaran pertunjukan kereta klasik dan antarabangsa '99 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Peminat sukan bermotor, pastinya tertarik kerana mendapat pengalaman menyaksikan acara bertaraf antarabangsa dengan Grand Prix Petronas Malaysia 1999 yang akan berlangsung dari 15-17 Okt depan, sebagai acara utama.

Bermula minggu ini, pasukan-pasukan, bermula dengan kakitangan bahagian teknikal akan tiba ke Malaysia dengan jentera-jentera berat canggih melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Sebagai penganjur Grand Prix, Sepang International Circuit (SIC) dan badan induknya, Malaysia Airports Berhad (MAB) telah menyenaraikan pelbagai acara menarik sukan bermotor bermula dengan pertunjukan Kereta-kereta Klasik dan Antarabangsa di Terminal Satu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di Subang.

Sejumlah kereta-kereta 'sports' dan klasik kini sedang dipamerkan dan akan berakhir pada 24 Okt. Pelbagai aktiviti dalaman juga sedang diadakan dan pelbagai barangan yang ada kaitan dengan sukan bermotor sedang dipamer dan dijual, kata satu kenyataan SIC di sini, hari ini.

Pada 9 Okt, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Minggu Sukan Bermotor Malaysia dalam satu upacara warna warni di sini. Dr Mahathir akan mengetuai perarakan motosikal dari Menara Berkembar Petronas di KLCC menuju ke Dataran Merdeka untuk upacara pelancaran.

Di SIC, tempat tumpuan bagi pelbagai kegiatan sukan bermotor Malaysia, SIC akan mengadakan perlumbaan Cabaran 4x4 Sepang di laluan sejauh 10km.

Laluan ini direka untuk kegunaan pelbagai perlumbaan termasuk rali, motocross, mendaki dan menurun bukit.

Laluan ini dijangka dapat menarik penyertaan penggemar sukan bermotor ternama dan Cabaran 4x4 Sepang akan diadakan mulai 7 Okt dengan perlumbaan akhir pada 10 Okt.

Perlumbaan Cabaran Go-Kart Sepang pula akan diadakan di kompleks go-kart yang baru siap dibina selama dua hari bermula 9 Okt.

-- BERNAMA

HRS zb